



WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.
20230903009 (11/08/2023)

Laporan Seminar Keluarga Negeri Selangor 2023

21 September 2023 | 9.00 pagi – 5.00 petang
Grand Ballroom, Bangi Resort Hotel



00

Jadual Kandungan

Susunan laporan mengikut bahagian

Pengenalan	02
UCAPAN PEMBUKAAN	
Ucapan Aluan	03
Ucaptive	05
PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	
Kertas Kerja 1: Keseimbangan Kerjaya – Keluarga dan Mengurus Tekanan Keibubapaan	08
Kertas Kerja 2: Pengupayaan Kewangan Isi Rumah Dalam Memperkukuh Institusi Kekeluargaan	14
FORUM	19
PERBINCANGAN KUMPULAN & PEMBENTANGAN	
Pembentangan Kumpulan 1: Penuaan Populasi Penduduk: Persediaan Menuju Negara Tua	28
Perbincangan & Pembentangan Kumpulan 2: Mencapai Keseimbangan Kehidupan antara Kerjaya dan Keluarga	29
Perbincangan & Pembentangan Kumpulan 3: Memastikan Akses Saksama dalam Ekonomi Penjagaan bagi Kanak-Kanak yang Selamat dan Berkualiti	30
Perbincangan & Pembentangan Kumpulan 4: Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas	31
Perbincangan & Pembentangan Kumpulan 5: Tanggungjawab Bersama dan Kerja Penjagaan Tanpa Gaji	32
Perbincangan & Pembentangan Kumpulan 6: Meningkatkan Penyertaan Tenaga Buruh Wanita	33
RESOLUSI & PENUTUP	
Resolusi	35
Penutup	37
GAMBAR SEKITAR MAJLIS	38

01

—

Pengenalan & Ucapan

Pengenalan

Keluarga merupakan akar bagi pembinaan masyarakat yang seterusnya menjadi tunjang pembangunan negeri dan negara. Pembentukan institusi keluarga yang sejahtera adalah penting di mana setiap ahli keluarga dapat diperkasa untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab bersama dan saksama dalam aspek kekeluargaan, ekonomi, kerjaya dan kehidupan demi meningkatkan kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan negeri dan juga negara.

Bagi memastikan kesejahteraan keluarga dipelihara dengan baik, Seminar Keluarga Negeri Selangor 2023 diadakan sebagai medium perkongsian isu, cabaran dan dapatan berkenaan pembangunan keluarga demi merealisasikan Negeri Selangor yang inklusif, lestari dan adil.

OBJEKTIF

Sebagai platform pemegang taruh dan pihak berkepentingan mengutarakan cadangan, sumbangsaran serta pendekatan atau praktis yang efektif kepada Kerajaan Negeri untuk pembangunan keluarga sejahtera.

Menyediakan ruang perbincangan idea dan perkongsian maklumat bagi pemegang taruh berkenaan pemerkasaan institusi keluarga dan isu-isu semasa berkaitan.

1A

Ucapan Aluan Yang Berhormat Puan Anfaal binti Saari

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor

"Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu." (Luqman: 17)



YB Puan Anfaal binti Saari, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor, telah menyampaikan ucapan aluan seminar. Beliau menggariskan keluarga sebagai akar penting dalam masyarakat.

Sebelum memulakan perbincangan, YB Puan Anfaal binti Saari mengalukan pembentang dan peserta serta berkongsi pemikirannya mengenai kepentingan topik ini dalam konteks tradisi agama negara dan negeri ini. Beliau merujuk kepada Surah Luqman ayat 17 yang mencerminkan nilai-nilai keluarga, sambil mengiktiraf cabaran yang dihadapi dalam era moden.

Mengikut Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019, Selangor menduduki tempat ke-13 daripada 17 dengan skor 7.68 pada indeks tersebut. Salah satu punca utama adalah kesibukan ibu bapa dalam kehidupan moden, di samping masalah kekurangan masa dan kewangan. Generasi *sandwich*, yang merangkumi tanggungjawab menjaga anak-anak sendiri dan juga orang tua, juga merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi.

Justeru, Rancangan Selangor Pertama (RS1) diperkenalkan dengan matlamat mencapai skor 8 bagi indeks tersebut menjelang tahun 2025. Selangor mempunyai populasi sebanyak 1.3 juta warga tua, dan inisiatif seperti Skim Mesra Warga Tua, *JomShopping*, serta Khairat Kematian berjumlah RM 500 telah diperkenalkan untuk memenuhi keperluan mereka yang sangat tinggi. Dalam bidang penjagaan dan pemberdayaan wanita, YB Puan Anfaal binti Saari menyenaraikan 12 projek, termasuk program AsuhPintar yang memberi tumpuan kepada pengasuhan kanak-kanak. Dalam rangkaian tanggungjawab ekonomi ehsan atau ekonomi penjagaan, dinyatakan bahawa perlu ada pelan holistik yang lebih melibatkan penjaga, bukan hanya penerima penjagaan.

YB Puan Anfaal binti Saari berharap bahawa resolusi yang dibincangkan dalam seminar ini akan membantu merangka strategi negeri Selangor untuk meningkatkan usaha dalam bidang ini.

1B

Ucuptama Yang Berhormat Puan Hajah Aiman Athirah Sabu

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat (KPWKM)

***“Ekonomi penjagaan atau care economy perlu diiktiraf
sebagai elemen penting dalam pembangunan negara
kerana masih belum diiktiraf secara formal!”***

Dalam ucapan beliau, YB Puan Hajah Aiman Athirah Sabu mengucapkan syabas atas usaha berterusan yang telah menjadikan Selangor sebagai negeri contoh yang mencerminkan nilai-nilai inklusiviti, di mana semua golongan masyarakat diberi peluang. Tema seminar ini selari dengan cabaran-cabaran yang perlu ditangani daripada asas yang paling asas, iaitu keluarga, yang sejajar dengan bidang tanggungjawab KPWKM.

Beliau turut menyorot isu cabaran teknologi dalam keluarga. Penggunaan media sosial yang semakin meningkat telah mencetuskan kebimbangan tentang pengaruhnya terhadap hubungan kekeluargaan.

Data dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan bahawa penggunaan gajet oleh golongan usia 16-64 tahun di Malaysia adalah lebih tinggi daripada kadar global, yang menggariskan bahawa kualiti hubungan keluarga mungkin terjejas.





Modul Kasih Ibu Bapa Digital telah diperkenalkan sebagai usaha untuk memahami dan mengatasi impak teknologi terhadap keluarga. Beliau berharap usaha-usaha ini dapat berjaya di bawah kerjasama bersama kerajaan persekutuan.

YB Puan Hajah Aiman Athirah Sabu juga mengambil perhatian kepada isu penuaan penduduk di Malaysia. Menurut beliau, menjelang tahun 2030, dijangkakan sekitar 15% daripada penduduk Malaysia akan terdiri daripada warga tua. Ekonomi penjagaan atau *care economy* perlu diiktiraf sebagai elemen penting dalam pembangunan negara kerana masih belum diiktiraf secara formal, dan justeru, hal ini menurut beliau akan dicadangkan untuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12.

Beliau menegaskan keperluan untuk mempercepatkan proses pengiktirafan ini dan menyatakan bahawa kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kadar penglibatan wanita dalam ekonomi kepada 60% dalam masa 10 tahun. Dalam usaha untuk memperbaiki sokongan bagi penjaga, beliau turut merujuk kepada data dari *International Labour Organization* (ILO) yang menunjukkan bahawa wanita di Malaysia terlibat dalam kerja penjagaan yang tidak berbayar selama 4 jam 30 minit sehari, berbanding dengan hanya 1 jam untuk lelaki.

Beliau menyebut tentang kolaborasi Institut Sosial Malaysia (ISM) bersama *Malaysian Association of Social Workers* (MASW) dalam Sidang Kemuncak Kerja Sosial Kebangsaan 2023 untuk mendapatkan pandangan dan praktik terbaik dalam bidang kerja sosial, yang diharapkan akan membantu lebih ramai penjaga.

Dalam usaha untuk meningkatkan profesionalisme dalam bidang ini, proses penggubalan undang-undang pekerja sosial masih dalam proses melalui pendaftaran badan kawal selia sosial. Kerajaan telah menyediakan dana sebanyak RM 10 juta untuk mempermudah sokongan kepada tempat penjagaan, termasuk bantuan kewangan bersama Bank Simpanan Nasional (BSN), walaupun masih banyak yang belum memanfaatkannya sepenuhnya.

KPWKM telah memperkasa usahanya dengan tagline 'KASIH', yang mewakili sentiasa berkasih sayang, akhlak mulia, sihat dan selamat, ilmu untuk selalu dicari, serta harmoni ahli keluarga. Dalam mengakhiri ucapan beliau, YB Puan Hajah Aiman Athirah Sabu menyeru kepada semua pihak untuk memberikan sokongan, kerjasama, dan input dalam usaha-usaha yang telah diperkenalkan dalam seminar ini, sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri.

Beliau berharap agar seminar ini akan menghasilkan resolusi yang membantu dalam usaha untuk memahami dan mengatasi cabaran dalam bidang keluarga dan penjagaan.

02
—

Pembentangan Kertas Kerja

2A



Pembentangan Kertas Kerja 1 Keseimbangan Kerjaya – Keluarga dan Mengurus Tekanan Keibubapaan

Pembentangan dimulakan oleh Dr. SH Fatimah Alzahrah Syed Hussein Al-Attas Pensyarah Kanan Sosiologi dan Penyelaras Unit Advokasi dan Penyelidikan Isu Sosial Pembangunan (USIDAR), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Diulas oleh Puan Nurul Izzah Zainol, Peguam Syarie dan Managing Partner Asyraf & Associates.

Pembentangan ini dibawakan oleh Dr. SH Fatimah Alzahrah Syed Hussein Al-Attas, seorang Pensyarah Kanan Sosiologi dan Penyelaras Unit Advokasi dan Penyelidikan Isu Sosial Pembangunan (USIDAR) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ulasan kertas kerja ini diberikan oleh Puan Nurul Izzah Zainol, Peguam Syarie dan Managing Partner di Asyraf & Associates.

Pembentangan dimulakan dengan penerangan mengenai konsep keluarga, yang boleh merujuk kepada keluarga nuklear atau keluarga yang melibatkan lebih banyak ahli keluarga seperti keluarga besar. Walau bagaimanapun, pemikiran mengenai keluarga masih sering kali bersifat kaku dan mungkin tidak mengambil kira kepelbagaian etnik dan kemampuan. Isu-isu yang berkaitan

dengan keluarga juga tertakluk kepada pemikiran ini.

Dr. SH Fatimah memulakan dengan memperkenalkan konsep 'imbang' dalam konteks keluarga. Ia merujuk kepada *marriage gradient*, di mana wanita kini lebih cenderung untuk berkahwin dengan lelaki yang memiliki status sosial yang lebih tinggi, seperti yang dapat dilihat dalam perubahan trend di mana wanita semakin mempunyai prestasi pendidikan dan ekonomi yang lebih tinggi.

Hal ini juga merangkum tentang bagaimana lelaki merespons kepada perubahan ini.

Walaupun terdapat usaha-usaha pemerkasaan wanita dalam beberapa dekad, kesannya juga akan mempengaruhi generasi secara keseluruhannya dan juga bagaimana lelaki merespons kepada perubahan ini. Keperluan untuk polisi keluarga yang lebih holistik menjadi semakin penting.

Pembentangan juga membincangkan isu-isu berkaitan pekerjaan, terutamanya isu gaji yang masih rendah dan kadar penyertaan pekerja wanita yang masih rendah. Ada pemisahan yang jelas antara dunia pekerjaan dan kehidupan peribadi, yang mana pemisahan ini adalah penting dalam konteks ekonomi arus perdana dan ekonomi penjagaan. Beliau menyatakan bahawa negara tidak dapat berfungsi dengan baik jika pekerja penjagaan (*caregivers*) tidak bersedia bekerja, dan ekonomi moden bergantung pada pekerjaan tanpa upah yang dilakukan oleh mereka. Dalam hal ini, penting untuk tidak hanya memandang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata dalam polisi ekonomi.

Isu penjagaan anak juga menjadi perbincangan, khususnya dalam hal bagaimana untuk menyelaraskan antara tanggungjawab keluarga dengan tanggungjawab individu. Ada keperluan untuk menekankan dan memberi pengiktirafan kepada pekerjaan penjagaan yang menjadi asas masyarakat. Selain itu, dalam konteks perubahan sosial, mencari penyelesaian untuk isu penceraian yang semakin tinggi

dalam golongan usia 30-40 tahun juga merupakan cabaran.

Pendekatan interseksional menjadi semakin penting dalam memahami isu-isu ini. Ia melibatkan pertimbangan pelbagai faktor seperti lokasi geografi, gender, etnik, status sosioekonomi, umur, dan agama. Selain itu, penting untuk memahami konteks sejarah, sosial, politik, serta identiti sosial dalam usaha mengatasi isu-isu keluarga ini.

Dalam merangka dasar-dasar pula, adalah penting untuk memasukkan elemen gender dan mengaplikasikan pendekatan interseksional. Polisi juga perlu mengukur kesejahteraan keluarga secara berkala dan mengambil kira aspek ekonomi penjagaan. Pada tahap majikan, kerja fleksibel menjadi penting, dan kesejahteraan pekerja harus diberi penekanan. Akhir sekali, pada peringkat individu, perlu mempertimbangkan pembahagian tugas dan memberi keutamaan kepada keperluan individu. Kerja fleksibel dalam bentuk kerja empat (4) hari seminggu turut dicadangkan, mengingatkan bahawa masa adalah aset yang semakin berharga.

“... negara tidak dapat berfungsi dengan baik jika pekerja penjagaan (*caregivers*) tidak bersedia bekerja, dan ekonomi moden bergantung pada pekerjaan tanpa upah yang dilakukan oleh mereka.”

Ulasan

Puan Nurul Izzah Zainol, Peguam Syarie dan Rakan Pengurusan Asyraf & Associates, telah menyoroti isu ketidakseimbangan dalam kehidupan keluarga.

Berkesinambungan daripada awal pembentangan Dr. SH Fatimah, beliau telah menyentuh mengenai konsep 'imbang' dalam konteks keluarga. Ia merujuk kepada perubahan dalam trend perkahwinan, di mana wanita kini lebih cenderung untuk berkahwin dengan lelaki yang memiliki status sosial yang lebih tinggi. Puan Nurul Izzah Zainol dapat menghubungkan perkara ini dengan ketidakseimbangan dalam peranan dan tanggungjawab keluarga. Apabila peranan biologi seperti mengandung, melahirkan, dan memberi susu hanya boleh dilaksanakan oleh wanita, ini mencipta ketidakseimbangan dalam struktur keluarga yang tradisional.

Beliau menekankan adanya *marital depression* yang timbul akibat ketidakseimbangan dalam fungsi biologi di mana tanggungjawab seperti mengandung, melahirkan, dan memberi susu hanya boleh dilaksanakan oleh wanita. Hal sama disebut oleh Prof. Fatimah tentang isu pekerjaan dan gaji rendah, serta pemisahan yang terdapat antara dunia pekerjaan dan kehidupan peribadi. Beliau boleh menghubungkan


perkara ini dengan menyatakan bahawa ketidakseimbangan ekonomi dalam keluarga turut memainkan peranan penting dalam ketidakseimbangan tanggungjawab. Pasangan wanita seringkali merasa terbebani dengan tekanan kewangan yang semakin meningkat, dan ini menjadikan mereka merasakan bahawa mereka perlu mengurus segala-galanya sendiri tanpa melibatkan pasangan mereka. Situasi ini tidak memberi pemberdayaan kepada lelaki untuk melibatkan diri secara efektif dalam keluarga.

Ketidakseimbangan yang wujud dalam tanggungjawab terhadap wanita juga perlu diakui, terutamanya dalam hal pekerjaan rumah yang banyak. Terdapat dilema dalam pemilihan antara menyediakan bantuan untuk anak atau untuk ibu, yang boleh membantu mengurangkan beban kerja rumah.

Seperti disentuh Dr. SH Fatimah yang membincangkan tentang isu penjagaan anak dan bagaimana untuk menyelaraskan antara tanggungjawab keluarga dengan tanggungjawab individu, pengulas mengaitkan perkara ini dengan penekanan beliau mengenai dilema kos untuk bantuan anak atau ibu. Ini adalah satu aspek penting dalam kehidupan keluarga yang seringkali menjadi cabaran yang tidak diambil kira dengan sepatutnya dalam polisi keluarga.

Puan Nurul Izzah Zainol menyuarakan perlunya menghapuskan stigma sekitar isu *marital depression* dan menekankan keperluan untuk pendidikan yang memperkasakan lelaki dalam tanggungjawab mereka sebagai suami dan bapa.

“Terdapat peningkatan ketara dalam kadar penceraian, iaitu sebanyak 50 kes penceraian dalam satu dewan mahkamah sahaja. Ini menunjukkan betapa seriusnya isu-isu yang berkaitan dengan kehidupan keluarga dan perlu adanya tindakan untuk mengatasinya.”



Sesi Soal Jawab

Dalam sesi soal jawab untuk sesi pembentangan pertama seminar, beberapa soalan dan jawapan yang penting telah dibincangkan.

Sebelum sesi soal jawab dibuka, Dr. SH Fatimah menambah tentang kesedaran bahawa apabila kita berbincang mengenai isu keluarga, kita ada intervensi dan pencegahan, berbanding melihat siapa bersalah sahaja (*fire fighting*): sebelum berlaku, semasa, dan selepas. Beliau turut menambah bahawa nilai wanita juga ada untuk masyarakat, bukan sahaja untuk keluarga sahaja.

Panelis kemudian merespon kepada soalan pertama, tentang isu teknik yang digunakan untuk aspek kerja yang lebih anjal bagi membantu memberi keseimbangan kerjaya keluarga. Beberapa pendekatan dikongsi berdasarkan syarikat yang telah melakukannya, termasuk penggunaan ganjaran (*carrot*), ancaman (*stick*), atau pemantauan (*surveillance*). Pemantauan dalam bentuk *chunk method* turut dinyatakan sebagai salah satu cara untuk memastikan kerja anjal boleh dilakukan dengan memecahkan kerja kepada bahagian lebih kecil. Beliau juga berkongsi penemuan tentang keberkesanan kerja dalam 4-hari bekerja, meski diakui tidak semua boleh melaksanakan cara ini mengikut industri.

Selain itu, dalam sesi ini, ditanya tentang isu keluarga berpecah (*broken family*) yang dilihat sebagai faktor, namun, ditekankan bahawa data menunjukkan bahawa anak-anak yang berasal dari keluarga berpecah tidak semestinya lebih cenderung untuk berakhir dalam penjara dibandingkan dengan anak-anak yang berasal dari keluarga yang utuh. Ini menyoroti kepentingan untuk tidak melabelkan secara negatif keluarga berpecah dan bagaimana pentingnya untuk memahami aspek-aspek lain yang mungkin mempengaruhi perkembangan anak-anak. Dalam konteks ini, ditekankan bahawa lebih penting untuk memberi perhatian kepada keadaan keluarga yang betul berfungsi dan bagaimana keadaan ini dapat memberi kesan kepada perkembangan anak-anak.

Seorang peserta sempat menyuarakan pandangan bahawa perbincangan tentang masalah keluarga dan tanggungjawab berkaitan dengan keluarga sepatutnya melibatkan perbincangan dengan lelaki juga.



Di sini, Dr. SH Fatimah mencadangkan bahawa pendekatan yang lebih baik adalah memulakan perbincangan dengan penekanan pada tanggungjawab bersama, bukan hanya terletak pada wanita. Beliau juga menekankan bahawa perlu memberi perhatian kepada realiti kehidupan yang dihadapi oleh wanita dalam perkahwinan dan hidup berpasangan. Hal ini direspon serba ringkas oleh panelis Puan Izzah dengan memberi penjelasan bahawa beliau memaksudkan hal sama dan menyedari bebanan wanita dalam penjagaan keluarga yang tidak mudah, e.g. ketidakstabilan pasca-cerai dan beliau tidak memomokkan cerai sebagai hal yang tidak baik. Beliau juga menambah keperluan melihat kes biasa dan sihat untuk belajar tentang keseimbangan dan penjagaan keluarga. Dr. SH Fatimah menambah poin tentang kepelbagaian dalam masyarakat sekali lagi.

Sesi pembentangan pertama ini juga mengakui bahawa masyarakat adalah pelbagai. Ini adalah peringatan bahawa setiap keluarga mempunyai pengalaman dan cabaran yang unik, dan perbincangan mengenai isu keluarga perlu mengambil kira kepelbagaian ini.

2B



Pembentangan Kertas Kerja 2 Pengupayaan Kewangan Isi Rumah dalam Memperkukuh Institusi Kekeluargaan

Pembentangan dimulakan oleh Dr. Zouhair Rosli, Timbalan Ketua Penyelidik, DM Analytics. Diulas oleh Encik Azlan Shah Nabees Khan, Ketua Pegawai Eksekutif, ARBA Foundation.

Pada pembentangan kedua ini, pembicara memberi tumpuan kepada keadaan ekonomi keluarga terkini dan merangkumkannya secara komprehensif. Terdapat tiga perkara penting yang dibahas, iaitu: Beliau merasa bahawa kita belum belajar daripada pandemik COVID-19 untuk memperbaiki keadaan. Ini bermakna bahawa walaupun kita telah menghadapi pandemik, banyak aspek dalam kehidupan keluarga masih belum berubah atau diperbaiki.

Literasi kewangan bukanlah faktor utama dalam menyelesaikan masalah kewangan keluarga. Sebaliknya, ia hanyalah satu elemen yang perlu diselaraskan dengan polisi kewangan yang lebih besar. Walaupun isu literasi kewangan telah dibangkitkan, ia tidak akan menjadi tumpuan utama dalam pembentangan ini. Masalah gaji rendah adalah salah satu isu utama yang perlu diberi perhatian dalam pembentangan

ini.

Pembicara percaya bahawa masalah ini adalah punca kepada banyak masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga. Ini adalah fokus utama pembentangan beliau, yang juga menyebabkan kita sering melihat kepada bantuan kerajaan sebagai penyelesaian kepada masalah ini.

Pembentangan tersebut kemudiannya merangkumi beberapa aspek utama, iaitu: impak pandemik terhadap ekonomi keluarga, di mana aktiviti ekonomi terjejas dan KDNK menurun. Ini menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan, terutamanya wanita. Hilangnya pendapatan dalam keluarga telah menjadikan keluarga di Selangor menghadapi kesulitan kewangan, dengan gaji wanita yang hilang sekitar RM 300 sebulan. Simpanan juga menjadi kurang.

Beliau berkongsi sedikit bagaimana impak pasca pandemik masih belum pulih sepenuhnya, dan terdapat cabaran dalam bentuk kenaikan harga makanan. Hampir 50% peruntukan keluarga telah digunakan untuk membeli makanan, yang membawa kepada tekanan tambahan. Kadar OPR juga dinaikkan yang menyebabkan keluarga (suami/ isteri) memfokuskan kepada bayaran hutang. Beliau merumuskan bahawa dilihat kadar kemiskinan dan pengangguran masih tinggi selepas pandemik, menekankan sekali lagi bahawa tiada beza pra- dan pasca-COVID.

Berkaitan peranan kerajaan, beliau menunjukkan bahawa ia adalah penting dalam menangani masalah ini, misalnya, bantuan kerajaan sebanyak RM 92.5 billion terus diberikan. Ini termasuk subsidi dan bantuan sosial, yang berjumlah RM 67 billion semasa pandemik dan pasca pandemik pada tahun 2022. Walaupun jumlahnya sedikit berkurang kepada RM 58.6 billion, subsidi makanan masih disediakan untuk rakyat, justeru daripada segi ekonomi, ini membantu keluarga yang memerlukan.

Pembentangan juga merangkumi cadangan-cadangan untuk penambahbaikan: Pembentangan menggariskan perlunya pendekatan radikal dalam penstrukturan semula ekonomi, termasuk pelaburan berkualiti dan gaji yang lebih adil. Penekanan diberikan kepada pelaburan berkualiti,

seperti dalam mesin dan peralatan serta teknologi, berbanding dengan pelaburan murah yang lebih sering dilaksanakan, seperti pembangunan yang sebenarnya tinggi kos namun buruh murah dan rendah. Inisiatif untuk meningkatkan gaji progresif ditekankan, dan Dr Zouhair percaya bahawa langkah ini harus diperkuatkan dan ditekankan, kerana jika tidak, tidak ada syarikat yang akan melakukannya.

Penyelarasan bantuan dan program subsidi juga diperlukan untuk mengelakkan berleluasanya bantuan yang disediakan dan untuk menjimatkan sumber. Dengan penjimatan yang baik, keluarga akan menerima liputan bantuan yang lebih baik dan lebih mencukupi. Inisiatif seperti BINGKAS disebutkan sebagai contoh yang berjaya membantu golongan yang terkesan di sini.

Antara lain, Dr Zouhair menggariskan bahawa bantuan sosial seharusnya bermula sejak awal dan diurus secara penuh, iaitu kepada tiga fasa: (1) semasa mengandung, (2) zaman dewasa, dan (3) zaman persaraan seseorang individu.

Ulasan

Encik Azlan Nabees Khan daripada ARBA Foundation memberikan pengulasannya untuk pembentangan kertas kerja kedua.

Memulakan pembentangan, Encik Azlan Nabees Khan telah memberikan komen dengan menekankan data sebagai asas penting dalam pemahaman isu kewangan dalam kalangan keluarga miskin. Beliau merujuk kepada data yang disediakan oleh pembentang kedua mengenai impak pandemik terhadap ekonomi keluarga. Data tersebut menunjukkan bahawa banyak keluarga telah kehilangan pendapatan dan simpanan mereka akibat pandemik COVID-19. Beliau juga menekankan bahawa gaji rendah adalah satu isu yang perlu diberi perhatian, dan data yang disampaikan oleh pembentang kedua menunjukkan bahawa banyak pendapatan berada pada paras yang rendah, terutama dalam kalangan keluarga miskin.

Data tersebut juga menunjukkan perbezaan antara kelompok PPR yang membayar sewa sekitar RM 124, yang dianggap lebih baik daripada keluarga yang miskin di luar PPR yang membayar sewa sekitar RM 700. Gaji dan masa bekerja dalam keluarga ini menguncup, dan beliau menjelaskan bahawa dalam

4 tahun terakhir, adalah agak sukar untuk keluarga ini keluar dari garis kemiskinan, malah pendapatan mereka menjadi lebih rendah. Kerja mereka juga sangat bergantung kepada faktor-faktor luaran seperti cuaca, cuti, pusingan modal, dan sebagainya, yang lebih menjadikan mereka keluar daripada garis kemiskinan.

Data dari ARBA Foundation menunjukkan bahawa terdapat mentaliti untuk menarik bantuan secepat mungkin, apabila keluarga-keluarga ini mula meningkatkan pendapatan. Menurut beliau, ini sebenarnya kurang wajar dan dalam pengalaman beliau, apabila bantuan itu ditarik sejurus apabila pendapatan bertambah, menyebabkan sebenarnya keperluan lama (apabila ada suntikan dana bantuan) mereka tidak mencukupi. Beliau juga membahas tentang konteks luar PPR dalam konteks kemiskinan bandar, dengan sewa rumah menjadi salah satu masalah utama.

"... kejutan ekonomi adalah sesuatu yang sangat bergantung kepada masa, dan keluarga miskin sering tidak mempunyai simpanan yang mencukupi."

Beliau mencadangkan strategi untuk membayar hutang dengan memulakan perniagaan sebagai langkah yang berpotensi membantu keluarga ini. Bagaimanapun, beliau turut menyoroti bahawa keluarga ini sering dihadapkan dengan pelbagai cabaran, seperti masalah untuk mendapatkan pinjaman bank.

Beliau menekankan bahawa kejutan ekonomi adalah sesuatu yang sangat bergantung kepada masa, dan keluarga sebegini sering tidak mempunyai simpanan yang mencukupi. Isu *unbankable* juga menjadi satu cabaran, yang bermaksud bahawa kelompok ini sering tidak memenuhi kriteria pinjaman bank, yang menyebabkan mereka melayari kepada pemberi pinjaman tidak berlesen yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah yang tinggi. Di sini dan berdasarkan poin sebelumnya, beliau mengaitkannya dengan cadangan pembentang kedua tentang pentingnya pendekatan radikal dalam penstrukturan semula ekonomi dan penekanan pada gaji yang adil, memandangkan masalah ini agak sistemik.

Pengulas juga menyebut bahawa isu penurunan keupayaan lelaki dalam keluarga adalah amat jelas. Beliau merujuk kepada kajian yang menunjukkan bahawa selepas 4 tahun memberikan bantuan tunai kepada


keluarga ini, mereka masih memerlukan kehadiran lelaki yang bertanggungjawab dalam keluarga. Ini menekankan pentingnya peranan ayah dan suami dalam keluarga miskin ini, dan perlunya usaha untuk memperkasakan lelaki dalam peranan mereka sebagai bapa dan suami yang bertanggungjawab.



Sesi Soal Jawab

Dr Zouhair merespon soalan pertama tentang ketirisan subsidi kepada warga asing dengan menekankan perlunya melihat kepada konteks isu. Subsidi di Malaysia masih lagi tidak banyak dan tidak fokus kepada membantu golongan yang betul-betul memerlukan, sebaliknya masih memanfaatkan golongan yang sudah berkemampuan. Beliau tidak bersetuju komen daripada penyوال pertama tentang subsidi warga asing yang memanfaatkan. Beliau menambah subsidi kepada warga asing ini masih kecil peratusannya berbanding subsidi petrol bersasar yang tidak fokus kepada membantu pihak yang betul-betul memerlukan.

Kedua, berkaitan soalan tentang bagaimana membantu golongan M40 yang sangat memerlukan bantuan, panelis memberikan pandangan bahawa pendapatan sahaja tidak mencukupi sebagai ukuran tunggal kemiskinan, dan perlu mempertimbangkan dimensi lain. Keduadua panelis menegaskan bahawa masih terdapat kesenjangan dalam definisi kemiskinan. Dr. Zouhair menambahkan bahawa penggunaan Indeks Kemiskinan boleh menjadi alat menutup kesenjangan dalam data. Justeru, perlunya kajian lebih komprehensif tentang tahap akses kepada perkhidmatan kesihatan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi kualiti hidup seseorang, termasuk aspek pemakanan dan masalah obesiti.



03

Forum

**Ekonomi Penjagaan & Pembangunan Komuniti
Dalam Menghadapi Penuaan Masyarakat**

Forum sesi Seminar Keluarga Negeri Selangor 2023 terdiri daripada Prof Dato Dr Madeline Berma, Felo Kehormat Institut Masa Depan Malaysia, Encik Chai Sen Tyng (Pegawai Penyelidik Kanan MyAgeing, UPM), dan Puan Hajah Asral Widad Ahmad Asnwai (Ahli Lembaga Pengarah, SELCARE Senior Living Sdn Bhd), dengan pengantara Puan Rusni Tajari (Pengurus Kanan Strategi dan Dasar WBS).

Forum ini membincangkan pelbagai isu berkaitan dengan penuaan, penjagaan warga tua, dan ekonomi penjagaan. Panel berpendapat bahawa perlu ada penekanan pada nilai-nilai masyarakat, etika, dan moral dalam penjagaan warga tua, dan perlu ada kolaborasi yang lebih baik antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat dalam menangani isu-isu ini.



Fac



Encik Chai: Definisi, Konsep dan Statistik Tentang Penuaan

Pengenalan panel dimulakan dengan perbincangan tentang definisi penuaan dan statistik berkaitan di Malaysia. Panel tersebut membincangkan bahawa penuaan adalah satu fenomena semula jadi dalam masyarakat, dan definisi penuaan boleh berbeza mengikut daerah, negeri, atau kebangsaan. Sebagai contoh, di Selangor, peratusan warga tua lebih tinggi daripada beberapa negeri lain, tetapi perbezaan umur untuk klasifikasi warga tua adalah 60 tahun mengikut dasar negara Malaysia dan 65 tahun mengikut piawaian global. Panel juga menggariskan bahawa warga tua di Selangor adalah sekitar 10% daripada penduduk dan lebih ramai wanita daripada lelaki dalam kumpulan ini.

Encik Chai menjelaskan bahawa penuaan adalah suatu proses semulajadi dalam masyarakat dan ianya berlaku pada peringkat yang berbeza-beza bergantung kepada daerah, negeri, dan negara. Dalam konteks Malaysia, terdapat perbezaan dalam definisi penuaan serta statistik yang berkaitan. Bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah membuatkan topik penuaan menjadi lebih relevan dan penting.

Beliau juga membincangkan bahawa dasar negara menetapkan umur 60 tahun sebagai had penuaan, sementara

standard global adalah pada umur 65 tahun. Dalam konteks Selangor, negeri tersebut dikatakan masih muda dengan peratusan dan bilangan warga tua yang rendah berbanding dengan negeri lain. Beliau juga merujuk kepada statistik yang menunjukkan bahawa warga tua di Selangor membentuk kira-kira 10% daripada jumlah penduduk negeri tersebut. Lebih menariknya, beliau menyebut bahawa warga tua lebih ramai wanita daripada lelaki.

Encik Chai memberikan pandangan mengenai taburan warga emas dalam isi rumah. Beliau menyatakan bahawa kira-kira 30% daripada isi rumah mempunyai warga tua di dalamnya. Dalam kategori ini, hanya sekitar 1 - 2% daripada isi rumah yang memiliki warga tua yang tinggal seorang diri. Beliau juga menekankan fenomena *skipped generation* yang berlaku di beberapa negeri, di mana 2 - 3% daripada isi rumah di Perak terdapat warga tua yang tinggal bersama cucu-cucu mereka. Selain itu, Encik Chai menyorot trend yang menunjukkan bahawa kebanyakan warga tua lebih cenderung untuk tinggal bersama pasangan mereka dalam satu-satu isi rumah.

Puan Hajah Widad: Penuaan dan Beban Kepada Wanita

Puan Hajah Asral Widad menekankan tentang peranan dan bebanan yang dipikul oleh kaum wanita dalam penjagaan warga tua. Beliau memandang positif kepada peluang untuk mengimbangi tanggungjawab keluarga antara suami dan isteri dan menggalakkan kesepakatan di antara pasangan. Puan Widad memulakan dengan mempositifkan bebanan yang ditanggung oleh kaum wanita, dengan memberi tumpuan kepada peluang untuk melihat tanggungjawab. Beliau menekankan kepentingan untuk memupuk kesepakatan antara suami dan isteri dalam peranan 'qawwam' (pemberi nafkah, pelindung) yang seimbang dalam keluarga. Beliau juga menyebut mengenai modul YADIM yang boleh membantu dalam memahami serta menguruskan tanggungjawab ini.

Puan Hajah Widad juga menyentuh dua aspek penting dalam masyarakat berkaitan penjagaan warga tua. Pertama, beliau memberikan penekanan kepada pentingnya pendidikan dalam membantu masyarakat memahami isu penjagaan warga tua. Kedua, beliau menekankan kepelbagaian konteks dalam isu penjagaan dan penuaan ini, sebagai contoh, warga tua bujang, warga tua yang dijaga saudara-mara atau anak menantu, dan warga tua berlainan keperluan. Bagi beliau, aspek penjagaan ini memerlukan sokongan yang sesuai dan kemahiran tertentu, terutamanya jika melibatkan anak kelainan upaya atau kesihatan yang memerlukan perhatian khusus.

Dalam penutupannya, Puan Hajah Widad menggariskan bahawa banyak wanita terlibat dalam pekerjaan penjagaan warga tua, dan ini mencerminkan bebanan/ tanggungjawab yang mereka tanggung. Beliau juga menyoroti tentang stigma yang masih wujud berkaitan dengan menghantar warga tua ke pusat jagaan, yang merupakan isu penting yang perlu diberi perhatian.

Prof Dato Dr Madeline: Penuaan dan Ekonomi

Prof Dato Dr Madeline menyentuh tentang takrif ekonomi penjagaan dan perbezaan antara ekonomi arus perdana dan ekonomi penjagaan.

Beliau menggariskan bahawa ekonomi arus perdana lebih tertumpu kepada keuntungan individu, manakala ekonomi penjagaan lebih berkaitan dengan nilai etika, moral, agama, dan budaya di mana kesejahteraan masyarakat menjadi keutamaan. Beliau juga menyoroti ketidakseimbangan dalam penjagaan, di mana wanita lebih banyak menjaga warga tua, dan ini mempunyai implikasi ekonomi dan sosial yang penting.

“... negara perlu mengiktiraf nilai ekonomi dalam kerja penjagaan dan bahawa definisi kemiskinan perlu lebih kompleks...”

Prof Dato Dr Madeline menambah bahawa kerja penjagaan melibatkan interaksi dan melibatkan etika dan moral yang tinggi. Beliau menekankan bahawa negara perlu mengiktiraf nilai ekonomi dalam kerja penjagaan dan bahawa definisi kemiskinan perlu lebih kompleks dan mempertimbangkan aspek-aspek seperti ketidakupayaan bekerja dan keselamatan kewangan.

Beliau membezakan antara ekonomi arus perdana dan ekonomi penjagaan. Beliau menyatakan bahawa dasar-dasar berdasarkan ekonomi arus perdana tidak selalu bertentangan dengan ekonomi penjagaan kerana terdapat peralihan antara kedua-dua. Namun, beliau menekankan bahawa masalah utama adalah bahawa ekonomi arus perdana tidak mengiktiraf sepenuhnya ekonomi penjagaan. Ketidakeimbangan dalam penjagaan, di mana wanita sering kali menjaga lebih banyak daripada lelaki, mengakibatkan isu kemiskinan masa dan keperluan untuk menghargai kerja penjagaan ini.

Prof Dato Dr Madeline juga menyentuh perbezaan antara tingkahlaku ekonomi arus perdana yang dikuasai oleh kepentingan peribadi dan tingkahlaku dalam ekonomi penjagaan yang lebih dipengaruhi oleh etika, moral, agama, dan budaya di mana masyarakat lebih diutamakan. Beliau menyatakan bahawa dasar-dasar perlu berubah apabila pemahaman mengenai nilai ekonomi penjagaan berubah.

Beliau juga menggariskan bahawa kerja penjagaan melibatkan penjagaan individu ini memerlukan penjagaan dan juga melibatkan interaksi sosial. Prof Dato Dr Madeline turut menyatakan bahawa definisi negara menua adalah apabila sesuatu negara itu mempunyai warga tua (melebihi umur 65 tahun) sudah melebihi 7% daripada populasi. Beliau menekankan bahawa terdapat cabaran yang perlu dihadapi dalam konteks penuaan, termasuk peningkatan jangka hayat, keselamatan kewangan, kekurangan penjagaan untuk pesakit geriatrik, ketidakseimbangan kadar buruh wanita, dan isu kemiskinan.

Selain itu, Prof Dato Dr Madeline juga menyentuh tentang isu pekerjaan penjagaan dan mengulas mengenai *unpaid care work* seperti melipat baju dan mencuci pinggan jika dilakukan oleh wanita dan bagaimana tanggungjawab ini seringkali jatuh kepada wanita, termasuk dalam kerja domestik dan penjagaan. Beliau menyimpulkan bahawa kerja penjagaan sering kali tidak dianggap bernilai dalam ekonomi, yang merupakan isu yang perlu diatasi dalam konteks penuaan.



Encik Chai: Persiapan Menuju Negara Tua

Dalam pusingan kedua forum, Encik Chai membawa kepada perhatian isu persiapan yang perlu dilakukan oleh pihak negeri dalam mengendalikan masalah berkaitan warga emas dan penjagaan mereka. Beliau menekankan keperluan untuk memahami perbezaan dalam konteks setempat dan mempertimbangkan sama ada penjagaan warga emas sedang dijalankan dengan sifat komersial dan komoditi. Beliau juga menyatakan bahawa kerajaan negeri seharusnya membantu keluarga atau penyedia perkhidmatan dalam hal ini.

Di samping itu, Encik Chai menekankan pentingnya kemudahan yang mesra warga emas dan mencadangkan pelepasan cukai untuk perkhidmatan yang disediakan oleh anak saudara yang menaja. Beliau juga mencadangkan integrasi antara industri, akademik, dan masyarakat dalam usaha untuk meningkatkan kehidupan warga emas dan menekankan kepentingan aktiviti berasaskan ilmu dalam mewujudkan komuniti yang lebih baik bagi warga emas.

Encik Chai juga membincangkan tentang isu bantuan kepada isi rumah miskin dan mengusulkan agar pengurusan kebajikan diperbaiki dengan mengurangkan bilangan isi rumah yang ditangani oleh seorang pegawai, yang kini adalah 1 pegawai untuk setiap 500 isi rumah miskin. Beliau turut mempertimbangkan sama ada pemberian

bantuan dalam bentuk *flat rate* sebanyak RM 500 kepada semua isi rumah miskin adalah penyelesaian yang tepat, dan mencadangkan konsep pengukuran kemiskinan melalui *equivalence scale* yang mengambil kira faktor-faktor lain selain pendapatan individu. Beliau juga membincangkan tentang isu KWSP dan mencadangkan bahawa terdapat perlunya menetapkan siling untuk simpanan KWSP, kerana sebahagian besar daripadanya dimiliki oleh golongan T20.

Beliau juga mempertimbangkan sama ada warga emas perlu bekerja selepas pencen dan perlunya ada keterbukaan mendengar pandangan yang berbeza dalam hal ini. Baginya, penting untuk mengambil kira perbezaan dan menjaga ketelitian dalam merangka dasar-dasar yang melibatkan warga emas. Dalam hal ini, terdapat penekanan yang kuat bahawa pendekatan *one size fits all* tidak selalu sesuai, dan polisi perlu disesuaikan untuk mengatasi kepelbagaian situasi yang dihadapi oleh warga emas dan keluarga mereka, yang disokong oleh moderator, Puan Rusni.



Puan Hajah Widad: Bentuk Kolaborasi Isu Negara Tua

Dalam pusingan kedua sesi forum seminar, Puan Hajah Widad memberikan pandangan dan cadangan berkenaan jenis kolaborasi yang dapat dijamin dalam menangani isu berkaitan warga emas. Beliau memaparkan beberapa cadangan yang berpotensi membantu meningkatkan kualiti kehidupan warga emas dan membawa manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Pertama, Puan Hajah Widad menyentuh mengenai 60% wanita yang bekerja tetapi ada yang lebih suka untuk tinggal di rumah kerana peningkatan kos. Ini menggambarkan perbezaan pandangan dan cabaran yang dihadapi oleh wanita dalam menjalankan peranan mereka dalam keluarga. Beliau menunjukkan bahawa pendapat ini mungkin adalah suatu falasi bahawa terdapat pemimpin yang tidak memahami peranan ibu dalam keluarga.

Dalam konteks kolaborasi untuk negeri, Puan Hajah Widad mencadangkan beberapa pendekatan. Beliau mencadangkan agar terdapat lebih banyak contoh dan standard untuk negeri lain dalam usaha untuk memahami dan mengatasi isu-isu berkaitan dengan warga emas. Beliau juga menyebut mengenai peluang wakaf dan cadangan untuk memanfaatkan institusi seperti surau dan masjid untuk menambah pusat jagaan di sekitar kawasan seperti itu. Beliau menekankan kepentingan mencipta peluang pekerjaan yang bermaruah untuk warga emas.

1 Melibatkan kerjasama dengan korporat untuk menyokong program-program berkaitan warga emas.

2 Menggalakkan lebih banyak contoh kolaborasi yang berjaya daripada negeri-negeri lain untuk dijadikan rujukan.

3 Menyediakan peluang wakaf untuk membiayai projek berkaitan warga emas.

4 Menggunakan institusi surau dan masjid untuk menambah pusat jagaan harian sebagai kemudahan penjagaan warga emas.

5 Memastikan kemudahan dan perkhidmatan mesra warga emas serta cadangan pelepasan cukai kepada keluarga yang menjaga.

6 Menetapkan standard dalam penyediaan penjagaan dan perkhidmatan untuk warga emas.

7 Mendorong integrasi antara industri, akademik, dan masyarakat demi usaha menambah kesejahteraan warga emas.

8 Menekankan aktiviti berasaskan ilmu bagi warga emas untuk meningkatkan keupayaan mereka.

Sesi soal jawab

Dalam sesi soal jawab, beberapa soalan yang penting telah diajukan oleh peserta. Salah satu pertanyaan yang diajukan adalah mengenai masalah akses kepada bantuan dan sokongan bagi warga tua. Encik Chai merenungkan isu ketidakjelasan yang sering berkaitan dengan penghantaran warga tua ke pusat penjagaan. Beliau memaklumkan hal ini sebagai *legislative vacuum* yang mana undang-undang negara tidak dapat lagi mengadaptasi terhadap keperluan dan model-model yang telah berubah. Isu kekosongan undang-undang ini perlu diatasi, khususnya dalam aspek tempat tinggal dan penjagaan, termasuk soal siapa yang perlu menjaga warga tua, siapa yang layak menerima bantuan, dan di mana tempat terbaik untuk menjalani penjagaan. Beliau membincangkan perkembangan model penjagaan dari masa ke masa, seperti rumah orang tua pada tahun 1950-an, model kebajikan, dan penubuhan *medical homes* pada tahun 1990-an.

Kemudian, beliau juga membincangkan tentang isu perumahan dan penjagaan warga tua. Beliau menyoroti perlunya penstrukturan semula dalam aspek ini, dan mengingatkan bahawa banyak keluarga tidak mampu mengakses alternatif penjagaan yang ada seperti pusat penjagaan atau rumah warga tua. Hal ini menciptakan beban tambahan bagi keluarga dan masyarakat yang mesti merawat warga tua tanpa sokongan yang memadai.

Beliau turut menambah bahawa data daripada bancian tahunan juga diangkat sebagai sumber penting untuk memahami keperluan warga tua dan menyelaraskan bantuan dengan lebih baik,



bagi memahami apa yang warga tua mahukan.

Tentang penjenamaan, Encik Chai berpendapat bahawa tiada keperluan untuk menukar penjenamaan program-program ini, tetapi perlu diingatkan bahawa apa pun penjenamaan pada program seperti ini, masih ada isu di mana bentuk-bentuk alternatif tempat tinggal/ jagaan ini masih lagi secara umumnya untuk mereka yang mampu, dan bukan sesuai untuk rakyat umum. Beliau menitikberatkan aspek perkhidmatan dalam isu ini dan membincangkan perluasan pemantauan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, serta mencermati isu berkaitan pengawalseliaan aktiviti penjagaan, dengan menyorot bahawa kerajaan adalah penyedia perkhidmatan kesihatan yang kurang cekap.

Di sini, Puan Hajah Widad ada menambah tentang komen penjenamaan bahawa Darul Insyirah difokus pada nama 'Darul Insyirah' berbanding meletakkan nama sebagai 'pusat jagaan'. Beliau juga menambah sedikit di sini perlunya jabatan khas untuk hal warga tua sahaja.

Selain itu, ada juga isu pemantauan terhadap kualiti perkhidmatan penjagaan. Encik Chai menekankan pentingnya pemantauan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan ini dan bagaimana perlu memantau prestasi servis penjagaan bagi warga tua. Komen beliau, kerajaan, dalam kebanyakan kes, mungkin bukan penyedia perkhidmatan penjagaan yang paling efisien.

Akhirnya, dalam konteks soalan kedua mengenai sampel warga tua yang diambil oleh Encik Chai, beliau menyebutkan data tersebut adalah daripada bancian rasmi setiap tahun. Beliau menjelaskan juga perbezaan antara data peratusan dan pemerhatian atas bilangan/ jumlah, di mana meskipun dilihat warga tua tinggal seorang diri nampak semakin bertambah, namun, berbanding peratusan, hal ini sebenarnya masih kecil dan boleh diurus.

Keseluruhannya, sesi soal jawab ini mencerminkan kepelbagaian isu yang berkaitan dengan penjagaan warga tua dan memberikan pelbagai pandangan serta cadangan bagi penambahbaikan sistem penjagaan di Selangor dan Malaysia pada umumnya.

"Isu kekosongan undang-undang perlu diatasi, khususnya dalam aspek tempat tinggal dan penjagaan, termasuk soal siapa yang perlu menjaga warga tua, siapa yang layak menerima bantuan, dan di mana tempat terbaik untuk menjalani penjagaan."



04

—
Perbincangan
Kumpulan &
Pembentangan



Pembentangan Kumpulan 1 Penuaan Populasi Penduduk: Persediaan Menuju Negara Tua (*Ageing population*)

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Puan Zahidah Abdul Karim (Seniors Aloud). Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

Permasalahan isu	Cadangan Penambahbaikan
<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kualiti kesihatan yang tinggi • Kurangnya keselamatan kewangan selepas bersara • Soal kesihatan dan sosial • Peluang kerja selepas bersara • Tinggal seorang, tidak ada penjaga • Tiada insurans kesihatan • Sukar bergerak (untuk ke hospital, urusan seharian) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pencegahan penyakit kronik • Sumber pendapatan dan pelaburan yang jelas • Meningkatkan latihan kepada pemberi penjagaan (caregiver) • Pemilihan pekerja berdasarkan kemahiran • Sokongan dan promosi belia untuk bank masa (2 minggu sekali) • Insentif kerajaan dan geran • Kenderaan khas seperti Grab tetapi harga yang rendah

Agensi dicadangkan untuk gerak kerja

- ▲ pihak KKM, skim pelaburan (GLC), Pelan Tindakan Selangor, syarikat yang menggaji warga tua, Rakan Muda, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan pihak kerajaan tempatan.

Pembentangan Kumpulan 2 Mencapai Keseimbangan Kehidupan antara Kerjaya dan Keluarga (*Work-life balance*)

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Puan Yogeswari (Pejabat Exco). Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

Permasalahan isu	Cadangan Penambahbaikan
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Diri sendiri</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Kesihatan dan kekuatan rohani, mental dan fizikal amat penting</i> • <i>Mengurus tekanan dengan melakukan aktiviti yang disukai</i>
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pasangan/ keluarga</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pengurusan emosi dan sistem sokongan menguruskan keluarga di rumah serta komunikasi dua hala dalam keluarga</i> • <i>Perlu ada pembahagian urusan keluarga yang adil</i> • <i>Pastikan majikan tahu tentang tanggungjawab tambahan untuk menjaga ibu bapa yang berusia (warga emas)</i>
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pekerjaan</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Membahagikan masa dengan sebaik-baiknya</i> • <i>Menyediakan tempat kerja yang selamat dan kondusif</i> • <i>Waktu kerja anjal</i>
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Organisasi</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Budayakan tempat kerja positif dan kondusif</i>

Agensi dicadangkan untuk gerak kerja

Kumpulan 2 tidak mencadangkan mana-mana agensi secara terperinci untuk gerak kerja.



Pembentangan Kumpulan 3 Memastikan Akses Saksama dalam Ekonomi Penjagaan bagi Kanak-Kanak yang Selamat dan Berkualiti (*Childcare services*)

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Nik Haminah Nik Mustaffa (Pertubuhan Kebajikan Nour Haya). Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

Permasalahan isu	Cadangan Penambahbaikan
<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan tidak melakukan "pelaburan" untuk pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak (kini: 80% ialah swasta, hanya 20% ialah di bawah kerajaan) • Kurang sokongan yang mudah akses, boleh-mampu, dan berkualiti • Kurang keselamatan dan kualiti bagi aspek JERIS (jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial) anak-anak 	<ul style="list-style-type: none"> • Memantau sektor perkhidmatan penjagaan kanak-kanak swasta (80% kerajaan, 20% swasta) • Mengkaji semula peraturan berkaitan dengan pihak swasta • Mengkaji peruntukan tahunan sewajarnya untuk pembangunan pendidikan awal kanak-kanak • Adanya mutu dan kualiti kepada industri penjagaan kanak-kanak • Tanggungjawab bersama

Agensi dicadangkan untuk gerak kerja

- ▲ Pihak JKM, KPWK, NGO, CSR daripada syarikat swasta, dan ibu bapa.

Pembentangan Kumpulan 4


Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas (*Elderly care services*)

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Encik Khairul Anuar (Pertubuhan Pemerdayaan Keluarga / Family Empowerment (FAME)). Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

Permasalahan isu	Cadangan Penambahbaikan
<ul style="list-style-type: none">• Kurang kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga kepada warga emas• Faktor kewangan - warga emas dan penjaga• Faktor kesihatan melibatkan warga emas dan penjaga (fizikal, mental, sosial, psikologi)• Di rumah jagaan, penjaga di pusat jagaan tidak terlatih (ke- layakan sijil/ latihan)	<ul style="list-style-type: none">• Pembahagian masa dan aktiviti lapang bersama keluarga yang dekat dan penyediaan pusat warga emas yang lebih mesra keluarga• Penyediaan insentif kepada penjagaan warga emas seperti katil, peralatan perubatan khusus penjagaan di rumah• Waktu kerja anjal / fleksibel khusus kepada penjaga warga emas. Komun-ikasi dalam ahli keluarga yang men- jaga warga emas supaya ada giliran• Perkhidmatan jururawat yang hadir ke rumah (seperti jururawat yang men- jaga ibu mengandung)• Sijil dan latihan professional kepada penjaga rumah warga emas dan perkhidmatan penjagaan warga emas

Agensi dicadangkan untuk gerak kerja

- ▲ Pihak ISM/JKM (PAWE), komuniti penduduk, kementerian kewangan, CSR daripada Syarikat Swasta, JPA, KKM, majikan dan KKM, hospital swasta dan ILA.



Pembentangan Kumpulan 5 Tanggungjawab Bersama dan Kerja Penjagaan Tanpa Gaji (*Shared re- sponsibilities and unpaid care work*)

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Puan Nazreen Nizam (Women's Aid Organisation). Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

Permasalahan isu	Cadangan Penambahbaikan
<ul style="list-style-type: none"> • Ibu/ isteri ambil tanggungjawab sepenuhnya • Tidak ada pembahagian kuasa yang setara antara suami & isteri • Tiada komunikasi yang berkesan antara suami & isteri - tentang tanggungjawab masing-masing • Tiada pusat jagaan anak di tempat kerja - perlu disediakan oleh majikan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendedahan dan pendidikan dari awal terutama untuk anak-anak lelaki • Tambah berkenaan shared responsibilities dan unpaid care work dalam kursus pra-perkahwinan • Kempen awareness "rumah bersama, tanggungjawab bersama" • Suri rumah perlukan masa rehat & pemerkasaan sebagai suri rumah • Latihan dan kursus untuk lelaki memahami shared responsibilities, care work & hubungan yang sihat • Kajian berkenaan unpaid care work • Kemudahan disediakan untuk ekonomi penjagaan • Modul solusi yang tersusun & lengkap menangani isu sekitar suri rumah

Agensi dicadangkan untuk gerak kerja

- ▲ KPWKM - LPPKN dan JPW, pejabat-pejabat agama, Kementerian Pendidikan Malaysia, NGO, kerajaan negeri, WBS, dan Institut Pengajian Tinggi

Pembentangan Kumpulan 6

Meningkatkan Penyertaan Tenaga Buruh Wanita (*Female labour force participation*)

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Puan Adelina Zulkifli (Women's Aid Organisation). Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

Permasalahan isu	Cadangan Penambahbaikan
<ul style="list-style-type: none"> • Diskriminasi gender dan seksual/ diskriminasi (contohnya, wanita hamil) • Tanggungjawab wanita terhadap keluarga • Jurang gaji berdasarkan gender • Tiada sistem sokongan (suami kemalangan, bercerai) • Faktor kesihatan terutamanya selepas COVID • Penyertaan dalam ekonomi peniagaan sebagai buruh • Stereotaip disebabkan masyarakat patriarki 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuatkuasakan lebih banyak dasar mesra wanita untuk wanita menyertai kembali sektor pekerjaan • Suara masyarakat awam perlu lebih didengari • Kos penjagaan anak lebih diluluskan • Tanggungjawab dikongsi antara suami dan isteri • Waktu kerja anjal berasaskan integriti • Sokongan untuk wanita • Ketelusan kadar gaji di syarikat bagi merapatkan jurang gender • Perbanyakkan akses sokongan kewangan kepada wanita • Kempen kesedaran dan sistem sokongan untuk wanita • Jaringan sosial wanita • Peluang lebih banyak untuk memasuki STEM • Liputan insuran lebih besar • Latihan vokasional dan perkongsian peluang kerja yang lebih tinggi khas untuk wanita • Syarikat yang menyokong wanita • Berganding dengan lelaki untuk mengubah cara fikir patriarki

Agensi dicadangkan untuk gerak kerja

- ▲ KPWKM, MOF, Perkeso, JPW, JKM, tenaga buruh, kerajaan negeri, komuniti setempat, ahli majlis, Kementerian Pengajian Tinggi, KKM, Perkeso, Kementerian Pendidikan, Pejabat Buruh, dan NGO.

05

—


Resolusi



5A Pembentangan Resolusi

Pembentangan resolusi disampaikan oleh Puan Rusni Tajari. Pembentangan resolusi dimulakan dengan mengkategorikan isu secara strategik. Kategori isu dilihat dan dikemaskan daripada segi impak (tinggi atau rendah) dan kedesanan (kurang dan sangat mendesak).

Ditekankan bahawa isu yang sangat mendesak dan berimpak tinggi: tiada taska/ tadika/ pusat jagaan anak-anak di tempat kerja, reformasi undang-undang dan institusi, ketiadaan jaminan kewangan selepas bersara, dan tiada sistem sokongan (rujuk Rajah 1). Daripada pengkategorian tersebut, Puan Rusni membentangkan resolusi isu-isu (rujuk Rajah 2) tersebut daripada jangka masa pendek, sederhana, dan panjang.



RAJAH 1 MENUNJUKKAN KATEGORI ISU DALAM SEMINAR KELUARGA NEGERI SELANGOR 2023



RAJAH 2 MENUNJUKKAN CADANGAN RESOLUSI BERDASARKAN JANGKA MASA BERDASARKAN ISU-ISU YANG TELAH DIUTARAKAN

Antara resolusi utama yang telah dibenteng dan dibincangkan daripada pembenteng (pakar bidang) dan peserta sesi adalah:

1. Perlunya kesedaran dan kefahaman multidimensional dan interseksional tentang ekonomi penjagaan dan keluarga yang sedang melalui pergeseran ekonomi arus perdana dan ekonomi penjagaan
2. Tingginya keperluan kesiapsiagaan yang jelas dan strategik di peringkat negeri dan negara dalam tempoh 7 tahun berbaki menuju 2030
3. Lebih banyak data, kajian, dan polisi serta gerak kerja yang lebih bersasar dan strategik bagi menghadapi kepelbagaian jenis keluarga di Selangor yang memerlukan berbeza jenis dan tahap keperluan
4. Perlunya suguhan kadar gaji lebih adil untuk kesejahteraan keluarga daripada pihak advokasi
5. Adanya kesenjangan lebar tentang pemahaman topik keluarga yang berasaskan berbeza budaya, agama, lokaliti, dan ekonomi di negeri Selangor (terutamanya daripada sudut gender)



5B

Penutup

Seminar ini telah ditutup oleh Puan Rozeeta@Hidayah binti Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif, Wanita Berdaya Selangor. Seminar ini diharapkan dapat membantu usaha WBS dan kerajaan negeri Selangor dalam memastikan kelestarian keluarga sejahtera di Malaysia.

Beliau juga bersetuju pendekatan holistik dan polisi yang berkesan untuk memastikan tiada sesiapa tertinggal.

Gambar sekitar majlis





#KitaSelangor



@wanitaberdayaselangor

Syarikat milikan **MBI**
Menteri Besar Selangor Incorporated